

Headline	FAMA, Anih bekerjasama promosi produk Agromas		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Timur)		
Date	17 Jun 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	6,394
Page No	46	Readership	19,182
Language	Malay	ArticleSize	237 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,019
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,057



FAMA, Anih bekerjasama promosi produk Agromas

TEMERLOH 16 Jun - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bekerjasama dengan syarikat konsensi Lebuh Raya Kuala Lumpur Karak (KLK) dan Lebuh Raya Pantai Timur 1 (LPT1), Anih Berhad (Anih) untuk mempromosikan produk jenama Agromas dan Agro Bazaar K-Shoppe di lapan lokasi LPT1 tahun ini.

Pengarah FAMA negeri, Rosli Awang Da berkata, promosi produk hasil keluaran usahawan FAMA itu dilakukan menerusi pengiklanan digital Agromas dan Agro Bazaar K-Shoppe Online di lokasi berkenaan.

Katanya, sebanyak 29 unit *display* televisyen disediakan di lapan lokasi tersebut iaitu Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Gambang Timur, Gambang Barat, Temerloh Barat, Temerloh Timur, Genting Sempah, Plaza Tol Gambak, Plaza Tol Bentong dan Hentian Sebelah Kilometer (KM) 21 arah Kuala Lumpur.

"Pengiklanan digital produk Agromas adalah selari dengan perkembangan teknologi yang dapat membantu memperkenalkan produk makanan keluaran tempatan yang halal dan berkualiti dengan efisien.

"Kini terdapat 97 produk Agromas yang dijual dalam la-

man web rasmi melalui www.agromas.com.my untuk membuat pembelian," katanya selepas pelancaran pengiklanan digital Agromas dan Agro Bazaar Online di R&R Temerloh Timur di sini baru-baru ini.

Pelancaran tersebut disempurnakan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak.

Yang turut hadir, Eksekutif Kanali Fasiliti Anih, Zaimawar Mohd. Sah dan Penolong Pengurus Perancangan Strategik Anih, Mohd. Saberi Wan Salleh.

Rosli berkata, produk Agromas yang dijual sama ada secara dalam talian ataupun di Agro Bazaar K-Shoppe dijamin bermutu, halal dan bersih hasil keluaran industri kecil dan sederhana FAMA serta usahawan bimbingan lembaga berkenaan.

Sementara itu, Ahmad berkata, penggunaan gajet secara meluas perlu dieksploitasi bagi membolehkan pengguna mendapat maklumat produk dan membeli secara dalam talian.

"Berdasarkan kepada perkembangan itu, FAMA menasaskan nilai jualan produk Agromas Malaysia sebanyak RM20 juta hasil promosi dan kualiti 97 produk berkenaan pada tahun ini," katanya.



AHMAD ISHAK (dua dari kanan) melihat produk Agromas di Agro Bazaar K-Shoppe selepas pelancaran pengiklanan digital Agromas dan Agro Bazaar Online di R&R Temerloh Timur di Temerloh, Pahang, baru-baru ini.